



PELAN STRATEGIK
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



2009 - 2015

"MEMPERKASA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI"



prakata
Setiausaha Kerajaan
Johor



Memperkasa Perkhidmatan Awam Negeri merupakan agenda utama Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Kerajaan Negeri sentiasa memberi tumpuan kepada usaha memenuhi harapan dan kehendak rakyat serta pelanggan dalam memperolehi perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan dan Agensi Negeri di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Perkhidmatan awam yang cekap, cepat, efisien, berintegriti dan mesra rakyat diberi keutamaan dalam memastikan prestasi perkhidmatan awam di Negeri Johor memenuhi tuntutan dan harapan *stakeholders*. Justeru itu, pembentukan modal insan yang berkualiti dan jati diri yang cemerlang harus diamalkan bagi membawa perkhidmatan awam bertaraf kelas pertama.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor perlu bertindak secara strategik jika ingin mencapai kecemerlangan yang diharapkan oleh rakyat di Negeri Johor. Pelan Strategik ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi melaksanakan agenda pembangunan bagi tempoh 2009 hingga 2015. Pelan Strategik ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan *stakeholders* serta pelanggan

DATO' HAJI ABD. LATIFF BIN YUSOF

November 2009



sejarah penubuhan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor



Johor adalah negeri Melayu pertama yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan melalui Undang-undang Tubuh Negeri Johor yang dimasyhurkan oleh Sultan Abu Bakar. Menurut perlembagaan tersebut, Sultan Negeri Johor merupakan Ketua Perlembagaan Negeri. Dibawah perlembagaan negeri, kuasa perundangan dipunyai oleh Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada 36 ahli.



Dewan ini melantikkan salah sepuluh orang daripada ahli Dewan untuk membentuk Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO). EXCO, yang diketuai oleh Menteri Besar, memegang kuasa eksekutif dan merupakan badan yang membuat dasar kerajaan negeri.


Johor menjadi negeri yang pertama di Tanah Melayu yang menubuhkan Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 1873, negeri Johor telah pun mempunyai satu badan perundangan yang dinamakan Mesyuarat Negeri atau State Council yang dianggotai oleh pegawai kanan pentadbiran Johor. Ketua Mesyuarat Negeri ialah Ungku Abdul Rahman iaitu Wakil Mutlak Maharaja Johor, manakala pegawai kanan negeri terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan negeri.

Berdasarkan maklumat yang ada Setiausaha Kerajaan pada masa itu adalah Datuk Bentara Jaafar bin Muhamad. Kemudian pada tahun 1893, Y.B. Dato' Abdul Rahman bin Andak telah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor. Sseramai 21 orang telah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor sehingga tahun 2009

Sehingga kini, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah mempunyai 2 bahagian utama iaitu Pengurusan dan Pembangunan yang terdiri daripada 14 cawangan.



Stakeholders dan pelanggan





visi **VISI**

Peneraju Kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negeri Menjelang 2015
Dalam Perancangan, Pembangunan Dan Pengurusan Ke Arah Mencapai
Wawasan Negeri Johor



MISI

Memangkin kecemerlangan perkhidmatan awam negeri melalui perancangan pembangunan yang berkesan dan pemerkasaan sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan.

MOTO

Memperkasa Perkhidmatan Awam Negeri





nilai bersama



Jati diri

Membentuk modal insan yang berkualiti, penjawat awam perlu berpegang kepada jati diri yang mengandungi definisi, nilai dan prinsip profesionalisme. Keperibadian tinggi dan jati diri yang cemerlang harus diamalkan bagi membawa perkhidmatan awam bertaraf kelas pertama.

Organisasi Lestari

Organisasi yang gemilang memerlukan anggota yang cemerlang dalam menjalankan tugas dan sentiasa melestarikan nilai-nilai murni seperti bersih, cekap, amanah, jujur, benar, telus, bertanggungjawab dan adil.

Holistik

Menentukan arah dan memberikan makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkahlaku anggota Perkhidmatan Awam bagi memenuhi tanggungjawab dan amanah supaya berkhidmat dengan ikhlas dan berkesan.

Optimis

Sentiasa optimis untuk memberikan arah tuju dan fokus dalam menyatukan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan.

Rasional

Nilai murni yang diterapkan dan diamalkan hendaklah rasional dan bersifat positif serta boleh diterima oleh semua masyarakat.



objektif strategik



1. Melahirkan Masyarakat Yang Progresif, Sejahtera dan Berjiwa Murni.
2. Memperkasa Keupayaan , Kapasiti Dan Amalan Tadbir Urus Organisasi Bagi Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.
3. Melaksanakan Pengurusan Kewangan Dan Sumber-Sumber Secara Strategik, Optimum Dan Berhemah.
4. Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Yang Pesat Bagi Menjamin Kemakmuran Negeri Dan Rakyat



pelan tindakan



TERAS 1

MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG PROGRESIF, SEJAHTERA DAN BERJIWA MURNI.

Usaha yang padu dan berterusan hendaklah dipergiatkan bagi memastikan kehendak dan keperluan masyarakat dipenuhi dan dilaksanakan. Sehubungan itu, pembangunan yang seimbang dan kondusif haruslah terus dirancang bagi merealisasikan kehidupan masyarakat yang progresif, sejahtera dan berjiwa murni.

STRATEGI

1. Memastikan Penyediaan Infrastruktur Dan Utiliti Yang Mencukupi Untuk Mempertingkatkan Kualiti Hidup Rakyat
2. Meningkatkan Prasarana Dan Pembudayaan ICT Bagi Membangunkan Masyarakat Bermaklumat
3. Mempertingkatkan Kesejahteraan Dan Keselamatan Masyarakat
4. Memperkukuhkan Institusi Keluarga, Sosial, Dan Agama
5. Membina Masyarakat Yang Sihat Fizikal, Mental Dan Spiritual



pelan tindakan



TERAS 1

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
1. Memastikan Penyediaan Infrastruktur Dan Utiliti Yang Mencukupi Untuk Mempertingkatkan Kualiti Hidup Rakyat	Melaksanakan Pengurusan Projek Kecil Luar Bandar.	100 % kampung mendapat kemudahan asas	2010
	Memastikan sistem pelupusan sampah yang lebih sistematik.	Tahap pematuhan Service Level Agreement	2010
	Memperluaskan pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).	100% keluarga mempunyai rumah.	2010
2. Meningkatkan Prasarana Dan Pembudayaan Ict Bagi Membangunkan Masyarakat Bermaklumat	Memperluaskan program dan modul e-desa di kawasan luar bandar.	Tahap penggunaan e-desa oleh masyarakat luar bandar.	2010
	Memperkasakan penggunaan laman web kerajaan.	Peratusan bilangan pelawat ditingkatkan.	2010
	Menyediakan tenaga pengajar mahir ICT	100% tenaga pengajar mahir ICT	2010
3. Mempertingkatkan Kesejahteraan Dan Keselamatan Masyarakat	Mempertingkatkan keberkesanan peranan JKKK.	1 laporan setiap 3 bulan	2010
	Memperkukuhkan Pelan Bencana	1 mukim 1 pelan bencana	2010
	Mengaktifkan Program Rukun Tetangga dan Gotong-royong.	1 kawasan kejiranan 1 KRT	2010
	Penglibatan masyarakat dalam program Keselamatan Kejiranan.	100 % penglibatan.	2010
4. Memperkukuhkan Institusi Keluarga, Sosial, Dan Agama	Memperluaskan Program-program Keluarga Sakinah.	100% penglibatan rakyat Johor	2010
	Meningkatkan program pembudayaan Al-Quran dan berzanji.	100% Masjid & Surau	2010
	Meningkatkan bilangan Anugerah Keluarga Bahagia	Meningkatkan Jumlah Anugerah dan Nilai Hadiah	2010



pelan tindakan



TERAS 1

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
5. Membina Masyarakat Yang Sihat Fizikal, Mental Dan Spiritual	Memperbanyakkan Program-program Rakan Muda	1 Kampung 1 Program Rakan Muda	2010
	Memperkasakan Program J-Robik	Mukim,agensi Kerajaan,Sekolah, IPTA/S,Agensi Swasta	2010
	Memperbanyakkan program sukan untuk semua peringkat umur.	1 Program Sukan Setiap tahun.	2010
	Menambah bilangan Sekolah Sukan Negeri	1 Daerah 1 Sekolah Sukan Negeri	2010



MEMPERKASA KEUPAYAAN, KAPASITI DAN AMALAN TADBIR URUS ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang disediakan oleh agensi sektor awam sentiasa dinilai oleh pihak-pihak yang berkepentingan samada memenuhi prestasi yang dikehendaki dan dapat memenuhi mutu penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Masyarakat kini lebih kompleks, prihatin dan ekspektasi rakyat adalah diluar jangkaan. Sehubungan itu, desakan agar agensi sektor awam lebih telus dan cekap dalam pengurusan adalah menjadi keutamaan.

STRATEGI

1. Menyediakan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Yang Komprehensif Untuk Meningkatkan Kompetensi Dan Kapasiti Sumber Manusia
2. Meningkatkan Tahap Penghayatan Nilai-nilai Murni Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Yang Bertanggungjawab, Berakauntabiliti Dan Berintergriti.
3. Mewujudkan Dan Membangunkan *Transformational Leadership* Di Setiap Agensi.
4. Meningkatkan Morale, Motivasi Dan *Espirit De Corps* Perkhidmatan Awam Negeri
5. Menyediakan Pembangunan Kerjaya Yang Lebih Menarik Bagi Perkhidmatan Awam.
6. Mengkaji, Mengemaskini Dan Melaksanakan Penambahbaikan Sistem Prosedur Kerja
7. Melaksanakan Amalan Tadbir Urus Yang Baik (*Good Governance*)
8. Penggunaan Teknologi ICT Secara Menyeluruh Dalam Urusan Pentadbiran Awam
9. Mewujudkan Kumpulan Pemikir (*Think Tank*) Yang Mempunyai Kepakaran Tertentu Bagi Membantu Membuat Keputusan Dalam Sesuatu Organisasi
10. Mewujudkan Kolaborasi Dengan Semua Agensi Yang Berkaitan



pelan tindakan



TERAS **2**

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
1. Menyediakan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Yang Komprehensif Untuk Meningkatkan Kompetensi Dan Kapasiti Sumber Manusia	Menyediakan Pelan Operasi Latihan Keseluruhan Menyediakan Sistem Penempatan Pegawai Yang Boleh Meningkatkan Kemahiran, 'Multi Tasking ' Dan Kepuasan Bekerja Mengadakan Latihan Dan Bengkel Terhadap Kumpulan Sasar Bagi Meningkatkan Kemahiran Dan Pengetahuan	Bilangan Latihan Bilangan Peserta Bilangan Maklumbalas Positif Dalam Borang Soal Selidik	2012
2. Meningkatkan Tahap Penghayatan Nilai-nilai Murni Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Yang Bertanggungjawab, Berakauntabiliti Dan Berintegriti.	Mewujudkan Kod Integriti Perkhidmatan Awam Negeri Johor Memantapkan Pengurusan Institut Integriti, Kepimpinan Dan Latihan Semangat (IKLAS)	Bilangan Aduan Berbanding Jumlah Anggota Bilangan Program Dilaksanakan	2010 2010
3. Mewujudkan Dan Membangunkan <i>Transformational Leadership</i> Di Setiap Agensi.	Mewajibkan Setiap Ketua Jabatan Menghadiri Latihan / Seminar / Kursus Yang Berbentuk Kepimpinan Sekali Setahun	Bilangan Kursus	Setiap Tahun
4. Meningkatkan Morale, Motivasi Dan <i>Espirit De Corps</i> Perkhidmatan Awam Negeri	Mewujudkan Sistem Merit Dan Penghargaan Kepada Kakitangan Yang Menunjukkan Prestasi Menggalakan Penjawat Awam Menyertai Aktiviti Di Luar Bidang Tugas Menetapkan Setiap Kakitangan Menghadiri Kursus Motivasi Sekurang-kurangnya Sekali Dalam Setahun	Indeks Pencapaian Prestasi Bilangan Penyertaan Bilangan Penyertaan	2010 2010 2010
5. Menyediakan Pembangunan Kerjaya Yang Lebih Menarik Bagi Perkhidmatan Awam.	Penyediaan Pelan Hala Tuju Kerjaya Perkhidmatan Awam Dan Mengedarkan Risalah Kepada Orang Awam Dan Penjawat Awam Mengkaji Dan Memperakukan Kepada Agensi Pusat Untuk Peluang Kerjaya Yang Lebih Baik – Struktur Perjawatan, Pakej Perjawatan, Kemudahan Kerjaya Dan Saraan Yang Lebih Baik Hubungan Dua Hala Antara Agensi Awam Dan Ipta/Ipts	Bilangan Program Dilaksana Kajian 2 Tahun Sekali Bilangan Graduan Menjawat Jawatan Awam	2012 2012 2012



pelan tindakan



TERAS **2**

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
6. Mengkaji, Mengemaskini Dan Melaksanakan Penambahbaikan Sistem Prosedur Kerja	Mewujudkan Jawatankuasa Di Setiap Agensi Yang Mengkaji Dan Mengemaskini Sistem Prosedur Kerja	Kekerapan Mesyuarat 2 Kali Setahun	2011
	Mengadakan Komunikasi Dua Hala Antara Jawatankuasa Dan Pelaksana	Bilangan Isu Diselesaikan	2011
7. Melaksanakan Amalan Tadbir Urus Yang Baik (<i>Good Governance</i>)	Mewujudkan Satu Jawatankuasa Untuk Memantau Pematuhan Undang-undang, Peraturan Dan Pekeliling Yang Sedang Berkuatkuasa	Bilangan Aduan Awam	2010
8. Penggunaan Teknologi ICT Secara Menyeluruh Dalam Urusan Pentadbiran Awam	Menjadikan Johordt Sebagai ' <i>Centralised Access</i> ' Bagi Sistem Dan Info Kerajaan	- Jumlah Capaian - Kedudukan Dalam Penilaian Mampu	2011
	Menggalakkan Penggunaan Email Rasmi Kerajaan Negeri Sebagai Dokumen Rasmi	Jumlah Pengguna Berdaftar	2011
	Mensasarkan Seorang Satu Komputer Selaras Dengan Struktur Perjawatan	Bilangan Komputer	2014
	Mensasarkan Zero 'Down Time' (Offline) Dalam Digital Proses	Jumlah Aduan Diterima	2010
	Menganjurkan Program 'Technology Update' Bagi Setiap Peringkat Pengurusan	Jumlah Program Dan Peserta	2010
9. Mewujudkan Kumpulan Pemikir (<i>Think Tank</i>) Yang Mempunyai Kepakaran Tertentu Bagi Membantu Membuat Keputusan Dalam Sesuatu Organisasi	Mewujudkan Jawatankuasa Kumpulan Pemikir (<i>Think Tank</i>) Yang Mempunyai Kepakaran Dalam Bidang Ekonomi, Keselamatan, Sosial Dan Perundangan Bagi Membantu Membuat Keputusan Dan Dasar Yang Akan Dilaksanakan Serta Menyelesaikan Isu-isu Semasa	Kekerapan Mesyuarat 4 Kali Setahun	2010
10. Mewujudkan Kolaborasi Dengan Semua Agensi Yang Berkaitan	Menganjurkan Program Bersama Dengan Lain-lain Agensi – Cth : Ekspo, Hari Kualiti, Sukan Persahabatan Dan Lawatan Sambil Belajar	Bilangan Penyertaan Bilangan Maklumbalas Positif	2010



MELAKSANAKAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER – SUMBER SECARA STRATEGIK, OPTIMUM DAN BERHEMAH

Keupayaan tadbir urus yang baik dan berkesan merupakan salah satu cabaran utama. Ini bermakna bahawa sumber-sumber yang ada hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya agar tanggungjawab agensi sektor awam terhadap kepentingan awam dapat dipenuhi. Hakikat ini dapat dicapai jika setiap agensi awam memahami strategi yang dirancang.

STRATEGI

A. KEWANGAN

1. Mempergiatkan Usaha-usaha Peningkatan Hasil Dan Penguatkuasaan Terhadap Pungutan Dan Tunggakan Hasil
2. Mempelbagaikan Hasil Dan Memperkenalkan Sumber Hasil Baru
3. Meningkatkan Dan Memperkemaskan Kerjasama Dengan Agensi Swasta Dan 'Government Link Company' (G Lc) Melalui Projek-projek Penswastaan,
4. Kawalan Perbelanjaan Dengan Penyediaan Bajet Yang Kos Efektif

B. ALAM SEKITAR

1. Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Ksas) Yang Lestari
2. Memelihara, Mengekal Dan Memulihara Ekosistem Semulajadi, Kawasan-kawasan Tadahan Air, Pulau-pulau, Pantai Dan Biodiversiti (Kepelbagaian Bio)



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
KEWANGAN 1. Mempergiatkan Usaha-usaha Peningkatan Hasil Dan Penguatkuasaan Terhadap Pungutan Dan Tunggakan Hasil	Kajian Semula Kadar Cukai	5 Tahun Sekali	2009 Dan 2014
	Hebahan / Promosi Bayaran Secara 'Online', (E-pay), Papan Tanda, Media Cetak Dan Media Elektronik Secara Agresif.	% Pungutan Cukai Meningkat Dan % Tunggakan Menurun (5 % Setahun)	Bermula 2009
	Mempergiatkan Pengeluaran Notis 6a Dan 8a Kepada Pemilik Tanah	% Pungutan Cukai Meningkat Dan % Tunggakan Menurun (5 % Setahun)	2010
2. Mempelbagaikan Hasil Dan Memperkenalkan Sumber Hasil Baru	Mempergiatkan Pertanian integrasi	Peningkatan pendapatan boleh guna (5%)	Bermula 2009
	Mengintegrasikan sumber-sumber pertanian pada tahap yang optima dengan bantuan teknologi moden	100% Peningkatan usahawan tani menjelang 2015	Bermula 2009
	Memperkemaskan dan meningkatkan industri bioteknologi dan biodiversiti (J-Biotech)	10 projek dapat dilaksanakan menjelang 2015	Bermula 2009
3. Meningkatkan Dan Memperkemaskan Kerjasama Dengan Agensi Swasta Dan 'Government Link Company' (G Lc) Melalui Projek-projek Penswastaan,	Memulih projek-projek penswastaan yang 'sakit'	20% projek berjaya dipulihkan setiap tahun dan mendapat pulangan	Bermula 2009
	Mengenalpasti dan mempelbagaikan dan memantau projek-projek baru yang berdaya maju	Memastikan projek-projek yang akan dilaksanakan bersifat 'win-win situation'	Bermula 2010
4. Kawalan Perbelanjaan Dengan Penyediaan Bajet Yang Kos Efektif	Penyediaan bajet yang berhemah Mengenalpasti perbelanjaan yang perlu diberi keutamaan Pelaksanaan perbelanjaan mengikut keutamaan dan kos efektif	Tiada perbelanjaan melebihi hasil (defisit)	Bermula 2010



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
<p>ALAM SEKITAR</p> <p>1. Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Ksas) Yang Lestari</p>	<p>Penggunaan teknologi terkini untuk memantau kawasan sensitif</p> <p>Memberi perlindungan dan memulihara kawasan sensitif</p> <p>Menguruskan sumber semulajadi secara lebih bersepadu</p>	<p>Menjadikan Negeri Johor bebas dari pencemaran alam sekitar</p>	<p>Bermula 2009</p>
<p>2. Memelihara, Mengekal Dan Memulihara Ekosistem Semulajadi, Kawasan-kawasan Tadahan Air, Pulau-pulau, Pantai Dan Biodiversiti (Kepelbagaian Bio)</p>	<p>Program Bumi Hijau</p> <p>Meluaskan Program Local Agenda (LA21)</p> <p>Membangunkan kawasan ekopelancongan dan bio-diversiti hutan (hutan lipur)</p> <p>Menggalakkan program kitar semula.</p> <p>Memantau perancangan guna tanah, memulihara kepelbagaian biologi, pengurusan hutan dan hal laut yang mapan.</p>	<p>Peningkatan penglibatan masyarakat dan NGO</p> <p>Peningkatan nisbah sampah yang dikitar semula dengan sampah domestik seimbang</p> <p>Semua aktiviti dilaksanakan mengikut Rancangan Struktur Negeri Johor</p>	<p>Bermula 2009</p>



MEMASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT BAGI MENJAMIN KEMAKMURAN NEGERI DAN RAKYAT

Segala inisiatif untuk membawa kemajuan di negeri ini perlu dilaksanakan dengan penuh terancang, objektif dan komprehensif. Sehubungan dengan itu, ia harus memenuhi ciri-ciri berlandaskan kepentingan dan menjiwai rakyat. Adalah menjadi cabaran kepada agensi awam untuk memastikan pembangunan yang dirancang terlaksana dan pada masa yang sama kepentingan rakyat turut terbela.

STRATEGI

1. Merapatkan Jurang Pendapatan Antara Kaum Dan Wilayah
2. Mempertingkatkan Keupayaan Bumiputra Dalam Persaingan Ekonomi
3. Mempertingkatkan Pertumbuhan Industri Dalam Bidang-bidang Pembuatan, Perkhidmatan Dan Pertanian Serta Bioteknologi
4. Memperkasakan Industri Kecil Dan Sederhana
5. Menjana Punca Kekayaan Baru Dalam Teknologi Dan Sektor Berasaskan Pengetahuan
6. Mempertingkatkan Pembangunan Dan Penyelidikan Untuk Memperluaskan Inovasi Dalam Sektor-sektor Ekonomi Yang Bersesuaian



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
1. Merapatkan Jurang Pendapatan Antara Kaum Dan Wilayah	Membuat Kajian Terhadap Potensi Pembangunan Antara Wilayah Dan Keperluan Masyarakat Setempat Menyediakan Keperluan Kewangan Mengikut Keperluan Projek Yang Dibangunkan – Satu Daerah Satu Industri	Peratus Jurang Perbezaan Antara -Kaum - Wilayah	2010
2. Mempertingkatkan Keupayaan Bumiputra Dalam Persaingan Ekonomi	Menyediakan Bantuan Kewangan , Teknikal Dan Kemahiran Bagi Membangunkan Bidang –Bidang Yang Berpotensi Tinggi Menyediakan Khidmat Nasihat Kredit /Pembiayaan Mikro Untuk Memperkembangkan Perniagaan	Peratusan Penduduk Dalam Program IKS 30%	2015
3. Mempertingkatkan Pertumbuhan Industri Dalam Bidang-bidang Pembuatan, Perkhidmatan Dan Pertanian Serta Bioteknologi	Menyediakan Khidmat Nasihat, Latihan Dan Bimbingan Bagi Pembangunan Dalam Bidang-bidang Pembuatan, Perkhidmatan Dan Pertanian Serta Bioteknologi	Kekerapan : Setiap Suku Penggal	2015
	Mempertingkatkan Dan Mepermodenkan Sektor Pertanian Dan Hasilani Negeri Johor	Indeks Penggunaan Teknologi : 6%	2015
4. Memperkasakan Industri Kecil Dan Sederhana	Penyediaan Khidmat Nasihat, Latihan Dan Bimbingan Bagi Pembangunan Program Iks – Cth Seminar, Lawatan Dan Expo	Kekerapan : Setiap Suku Penggal	2015
	Menyelaras Pelaksanaan Program-program Pelbagai Agensi, Syarikat Milik Kerajaan Dan Badan Bukan Kerajaan	Setiap Bulan	2015
	Mengadakan Expo,pameran Serta Mengenalpasti Pasaran-pasaran Yang Baru		
	Kemudahan Tapak Serta Asas Pada Kadar Yang Mininum Bagi Menjalankan Perniagaan	4 X Setahun	2015
	Menyelaras Pelaksanaan Program-program Pelbagai Agensi, Syarikat Milik Kerajaan Dan Badan Bukan Kerajaan	Setiap Bulan	2015



pelan tindakan



TERAS 4

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	TAHUN SASARAN
5. Menjana Punca Kekayaan Baru Dalam Teknologi Dan Sektor Berasaskan Pengetahuan	Mempertingkatkan R & D Bagi Menghasilkan Produk-produk Baru Yang Mempunyai Nilai Yang Lebih Tinggi	Indeks Penggunaan Teknologi : 10%	2015
	Mengadakan Kolaborasi Dengan Syarikat Asing Bagi Tujuan Pemindahan Teknologi.		2015
6. Mempertingkatkan Pembangunan Dan Penyelidikan Untuk Memperluaskan Inovasi Dalam Sektor-sektor Ekonomi Yang Bersesuaian	Menjalankan Penyelidikan Secara Usahasama Dengan Universiti-universiti Tempatan Dan Luar Negera	Jangkamasa : Tempoh Setahun	2015
	Menyediakan Geran-geran Penyelidikan Bagi Mengurangkan Beban Kewangan	Jangkamasa : Tempoh Setahun	2015